



Warisan Berharga

Imbas Buku Teks: m/s 102 – 105

Arahan :

Lengkapkan dialog dengan **kata gelaran** yang betul.

Contoh kata gelaran : **Datuk, Tan Sri, Puan Sri, Datin, Profesor.**

Datuk Azhar : Selamat sejahtera, Musa. Sedang rancak berbincang agaknya. Maafiah jika saya mengganggu.

Tan Sri Musa : Eh, tidak! Silakan duduk di sini, Azhar; boleh kita berbual bersama-sama.

Datuk Azhar : Terima kasih, Apa masalahnya kali ini?

Puan Sri Murni : Agensi kami bercadang mempromosi lokasi dan bangunan bersejarah sebagai sebahagian daripada daya tarikan pelancong ke daerah ini. ada apa-apa cadangan?

Datuk Azhar : Ada sangat tapi balik-balik yang itu jugalah; Muzium Tokoh Pahang, Muzium Sungai Lembing dan bekas Lombong Bijih Sungai Lembing.

Datin Sofia : Kalau hendak kirakan, memang banyak bangunan bersejarah seperti Mahkamah Kuantan, balai polis, pejabat daerah, rumah Residen British dan sebagainya. Malangnya, pihak tertentu terlepas pandang akibat desakan pembangunan. Berbeza dengan Lipis, mereka ada 14 bangunan bersejarah yang kekal hingga kini, Murni.

Profesor Ragu : Itu satu hal. Tapi ada pula sesetengah pihak yang suka bangunan itu diruntuhkan, Sofia. Itu warisan penjajah, bukan warisan negara kata mereka.

Tan Sri Musa : Apa yang berlaku ini harus dijadikan iktibar. Kalau kita berfikiran positif, perkara seperti ini tidak akan berlaku. Pandang bangunan itu ingat, jangan sampai dijajah lagi. Betul atau tidak, Ragu.

Puan Sri Murni : Wah, bersemangat nampaknya petang ini! Apa-apa hal pun sajian sudah terhidang. Elokiah kita jamah dahulu. Silakan.